

Gas Malaysia laksana CSR tanam Rhu Pantai

Gas Malaysia Bhd (Gas Malaysia) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Pahang menjalankan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) menanam pokok Rhu Pantai di sepanjang kawasan seluas 0.25 hektar di Kampung Pantai Sungai Ular, Kuantan, Pahang.

Program berkenaan diadakan sebagai usaha untuk melindungi pantai daripada hakisan, selain mengekal serta memulihara alam semula jadi.

Aktiviti itu membabitkan penyertaan kira-kira 50 peserta dan sebanyak 150 pokok Rhu Pantai ditanam sepanjang pantai kawasan berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Gas Malaysia, Ahmad Hashimi Abdul Manap, berkata, Rhu Pantai atau

dikenali dengan nama saintifik, 'Casuarina equisetifolia' memberi banyak kelebihan kepada alam sekitar.

Katanya, penanaman spesies berkenaan secara berstruktur dapat memastikan kawasan pantai dilindungi daripada ancaman ekologi seperti ribut dan ombak kuat yang boleh menyebabkan berlakunya hakisan.

Bina amalan beretika

"Inisiatif ini adalah sebahagian daripada rancangan CSR kami bagi tahun ini. Pahang dipilih sebagai lokasi pelaksanaan projek kali ini kerana kerjasama erat sedia terjalin antara Gas Malaysia dengan kerajaan negeri itu.

"Sejak awal tahun 1993, kami sudah mula membekalkan keper-

luan gas asli kepada pelbagai industri yang dijalankan sekitar Kuantan seperti di Gebeng," katanya menerusi satu kenyataan di Kuala Lumpur.

Bermatlamat untuk menjadikan Gas Malaysia terus mapan dan lebih maju, Ahmad Hashimi berkata, menjadi keutamaan warga syarikat itu untuk terus membina amalan beretika.

"Kami sentiasa berusaha untuk mengimbangi matlamat perniagaan dan tanggungjawab kami terhadap masyarakat.

"Justeru, kami berusaha untuk meneruskan inisiatif seumpama ini pada masa depan kerana ia menjadi pemangkin serta inspirasi kepada masyarakat umum untuk bekerjasama memulihara alam sekitar," katanya.